

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	21 JUNE 2016

Anak Nik Aziz nasihat bekas PM tumpu ibadat

BH - 21/6/2016

Kuala Lumpur: Ketua Dewan Pemuda PAS, Nik Mohamad Abduh Nik Abdul Aziz menampelak Tun Dr Mahathir Mohamad yang disifatkan sebagai individu yang tidak lagi mempunyai 'taring'.

Secara sinis, beliau berkata, secara rasminya taring bekas Perdana Menteri itu tercabut dan menyarankan Dr Mahathir memperbanyakkan ibadat.

"Saya sarankan Tun banyakkann berada di tikar sejadah dan di hadapan kaabah.

"Zaman kekuatannya ketika bertempur dengan Almarhum ayahanda TGNA (Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat) sudah berakhir.

"Jika Tun kembali kepada Allah dengan taubat yang benar, itulah sebaik-baik kehidupan di hujung hayat. Saya mendoakan," katanya

menerusi entri di Facebooknya, semalam

Berjaya lepasi krisis dalaman

Menerusi entri bertajuk 'Catatan di Tepian Kubur' itu, Nik Mohamad Abduh yang juga Ahli Parlimen Pasir Mas berkata, Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Besar dan Kuala Kangsar adalah laporan awal kekuatan PAS selepas berjaya melepasi krisis dalaman yang menyaksikan terkeluarnya anasir lemah dan buruk yang berusaha mengubah hala tuju perjuangan parti itu.

Beliau berkata, selepas PAS mengukuh kembali dalam tempoh setahun dengan barisan kepimpinan baharu yang bersatu menerajui parti, PRK kali ini adalah peluang terbaik untuk PAS melihat



USaya sarankan Tun banyakkann berada di tikar sejadah dan di hadapan kaabah. Zaman kekuatannya ketika bertempur dengan Almarhum ayahanda TGNA (Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat) sudah berakhir"

**Nik Mohamad Abduh
Nik Abdul Aziz,**
Ketua Dewan Pemuda PAS

tahap sokongan dan kekuatannya di bawah.

Katanya, ia adalah sokongan yang benar dan paling tepat terhadap PAS selepas ia bersendirian bersama Parti Ikatan Bangsa Malaysia (IKATAN) di dalam blok ketiga yang baharu.

"Ketika PAS bersama DAP, PAS dituduh UMNO sebagai tunggangan DAP. Ketika PAS berpecah dengan DAP, PAS dituduh DAP sebagai tunggangan UMNO.

"Sebagaimana PAS berjaya keluar daripada tuduhan pertama, PAS pastinya akan keluar daripada tuduhan kedua dengan selamat dan sejahtera.

"Malah, tuduhan itu akan lebih mudah dihilangkan kerana PAS tidak pun mengikat sebarang perjanjian dengan UMNO sebagai

mana ikatannya dengan DAP semasa di dalam pakatan rakyat dahulu.

"PAS tunggangan UMNO hanyalah persepsi murahan golongan lemah yang terpelanting akibat disantau mabuk *Road To Putrajaya*," katanya.

Beliau berkata, PRK kali ini menyaksikan PAS menguasai sekitar 25 peratus sokongan rakyat secara benar dan kehilangan sekitar 25 peratus undi PKR, DAP dan Parti Amanah Negara yang turut diperolehi PAS sebelum ini.

Sementara itu, Nik Mohamad Abduh berkata, gerakan Islam mestilah bebas dan tidak boleh terikat dengan mana-mana kumpulan, ia bebas daripada semua selepas ia mengikat dirinya dengan Allah dan agama-Nya.